



## **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
SAMBUTAN FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

**PADA**

**22 MEI 2024 (RABU)**

**SPICE ROOFTOP GARDEN, PULAU PINANG**

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

## **PENDAHALUAN**

1. Terima kasih kepada Jawatankuasa Induk **Festival Hari Muzium Antarabangsa Tahun 2024** atas undangan ke Majlis Makan Malam Penutup ini yang merupakan malam kemuncak sambutan setelah berlangsungnya pelbagai program dan acara bermula 13 Mei yang lalu.
2. Seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara menjunjung kasih atas kehadiran **Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama** pada malam ini.
3. **Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024** telah berlangsung di Pulau Pinang pada **13-22 Mei 2024** dengan tema "**Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan**". Saya dimaklumkan juga bahawa terdapat sebanyak **38 penyertaan** yang merangkumi :
  - **13 muzium persekutuan/negeri**
  - **21 muzium institusi**
  - **4 muzium antarabangsa**

4. Dengan semangat dan sokongan yang ditunjukkan oleh **YB Tuan Wong Hon Wai, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif merangkap Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang** serta seluruh kakitangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, saya pasti Pulau Pinang telah berjaya memahat memori Hari Muzium Antarabangsa 2024 terindah meskipun kali pertama bergelar tuan rumah.

Hadirin yang saya kasihi sekalian.

### **MUZIUM WAHANA PERPADUAN NEGARA**

5. Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa **mengutamakan agenda untuk menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum**, sesuai dengan fungsinya sebagai '*guardian of heritage*'. Institusi muzium di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pembentukan jati diri dan perpaduan masyarakat yang sihat.

6. Identiti Malaysia sememangnya terkenal di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara dengan kepelbagaian. Justeru, institusi permuziuman di Malaysia

harus memainkan peranan mereka yang sangat penting dalam **mengekalkan dan melindungi khazanah sejarah dan budaya, sekaligus menjadi agen pengukuhan jati diri rakyat** di negara ini.

7. Untuk makluman semua, **Festival Hari Muzium Antarabangsa** ini telah diangkat sebagai salah satu program di bawah Inisiatif **Citra Nusa@Muzium** yang merupakan sebahagian daripada usaha memperkuuh kesedaran terhadap khazanah warisan negara dalam kalangan generasi muda.
8. Kementerian menerusi Jabatan Muzium Malaysia merancang **11 program Citra Nusa** di seluruh negara tahun ini untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan cintakan negara dalam kalangan masyarakat. Ia termasuklah;
  - **Festival Hari Muzium Antarabangsa,**
  - **Citra Nusa@Muzim Arkeologi Lembah Bujang,**
  - **Persidangan Antarabangsa: Ketamadunan Lembah Bujang dari Perspektif Yi-Jing (I-Thing) Abad ke-7**
  - **Program Bermalam di Muzium**
  - **Citra Nusa@Indonesia**

Hadirin yang saya muliakan sekalian.

## **MUZIUM UNTUK PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN**

9. Tema muzium untuk pendidikan dan penyelidikan amat bertepatan dengan definisi fungsi muzium yang ditetapkan oleh International Council of Museum (ICOM) iaitu:

*“A museum is a not-for-profit, permanent institution in the service of society that researches, collects, conserves, interprets and exhibits tangible and intangible heritage. Open to the public, accessible and inclusive, museums foster diversity and sustainability. They operate and communicate ethically, professionally and with the participation of communities, offering varied experiences for education, enjoyment, reflection and knowledge sharing.”*

10. Jabatan Muzium Malaysia telah melaksanakan dua program berbentuk pendidikan sejak sekian lama. Pertama, **Program Bermalam di Muzium** merupakan program tradisi JMM yang telah dilaksanakan sejak 2007 melibatkan pelajar sekolah di seluruh negara.

11. Sehubungan dengan itu, saya turut mengumumkan agar program ini diluaskan kepada belia sehingga umur 30 tahun pada tahun ini. Program ini akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:

- **Kategori Pelajar (30-31 Ogos 2024)**
- **Kategori Belia (12-13 Oktober 2024)**

12. Saya ingin mengambil kesempatan menyeru agar kesemua institusi muzium di negara ini tidak kira sama ada persekutuan, negeri maupun agensi untuk turut bersama menjayakan Program Bermalam di Muzium pada tahun ini. **Jika tahun lepas terdapat sebanyak 25 muzium terlibat, maka tahun ini saya menyasarkan sekurang-kurangnya 30 muzium dapat terlibat sama.**

13. Selain itu, **JMM juga telah melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)** merupakan program pendidikan hasil kerjasama antara **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**. Matlamat program ini adalah untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dengan memberi pengalaman pembelajaran di institusi muzium. Di samping itu, guru boleh menjadikan institusi muzium ini sebagai sistem

sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mantap dalam usaha peningkatan kemenjadian murid.

14. Kedua-dua program ini diharap dapat memupuk pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya yang perlu dihargai dan dipertahankan sebagai identiti nasional yang diwarisi bersama.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

### **PENGIKTIRAFAN WARGA MUZIUM**

15. Malam ini juga akan menyaksikan pengiktirafan kepada tokoh atau individu yang telah banyak berjasa kepada dunia permuziuman menerusi penyampaian **Anugerah Khas Permuziuman**.

16. Kementerian akan menyegerakan dan mewujudkan **Anugerah Tokoh Khas Permuziuman Negara** yang merupakan salah satu anugerah prestij di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ketika ini, Jabatan Muzium Malaysia sedang berada pada peringkat memuktamadkan kertas cadangannya. Semoga anugerah ini akan menjadi realiti pada tahun yang akan datang.

Hadirin yang saya kasihi sekalian.

## **PENUTUP**

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, **tahniah saya ucapkan kepada Negeri Kedah Darul Aman yang telah dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2025.** Kementerian Perpaduan Negara akan memberikan komitmen padu melalui Jabatan Muzium Malaysia untuk memastikan sambutan di Kedah akan berlangsung meriah dan berimpak tinggi.
18. Akhir kata, tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Induk Festival Hari Muzium Antarabangsa Tahun 2024, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang serta seluruh warga muzium di atas kejayaan yang dicapai. Semoga institusi permuziuman negara akan terus memperkasakan agenda perpaduan negara dalam setiap program dan aktivitinya.

Sekian, terima kasih.